

17/03/1999

Enam strategi galak IKS sertai industri IT

Hizral Tazzif Hisham

MULTIMEDIA DEVELOPMENT Corp Sdn Bhd (MDC), mengenal pasti enam strategi utama bagi menggalakkan lebih banyak syarikat dalam kategori Industri Kecil Sederhana (IKS) menyertai industri teknologi maklumat (IT).

Enam strategi utama itu ialah modal teroka (venture capital), penubuhan pusat inkubator, sumber manusia berkemahiran, insentif kepada syarikat IKS, penyelidikan dan pembangunan serta capaian kepada pasaran.

Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata enam strategi utama itu sebagai langkah penting untuk menampung limpahan daripada Universiti Multimedia, aplikasi perdana dan pemindahan teknologi daripada pembina jaringan.

"Tanpa kumpulan yang besar sukar bagi Malaysia untuk menarik peneroka modal atau melancarkan Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi (Mesdaq) kerana bilangan kecil mempunyai risiko tinggi," katanya di Cyberjaya, minggu lalu.

Beliau berkata demikian di majlis pelancaran program Anugerah Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi Koridor Raya Multimedia (MSC) Asia Pasifik (APMITTA) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malaysia ketika ini mempunyai kira-kira 300 syarikat IKS berasaskan IT berbanding 4,000 di Taiwan, 7000 di Lembah Silikon di Amerika Syarikat dan 1,000 di Singapura.

Othman Yeop berkata, program APMITTA itu adalah salah satu langkah meningkatkan bilangan usahawan tekno (yang berkaitan IT dan telekomunikasi) di negara ini.

"Langkah ini perlu kerana bilangan usahawan tempatan yang terbabit dalam industri IT masih kurang," katanya.

Anugerah itu memberi pengiktirafan kepada individu, pelajar dan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang menyumbang kepada pembangunan MSC bertujuan menggalakkan rangkaian, pemindahan teknologi, inovasi serta latihan dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan telekomunikasi.

Program anugerah itu diwujudkan melalui usaha sama MDC dengan agensi berpangkalan di Australia - Perbadanan Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat Asia-Pasifik (APIT&T) dan Anugerah Teknologi Maklumat Asia Pasifik (APITA), agensi penarafan tempatan.

Di majlis itu, Perdana Menteri turut menyaksikan ucapan Menteri Maklumat dan Komunikasi Queensland, Australia, Terry Mackenroth, menerusi tayangan video.

Dalam ucapannya, Mackenroth berkata, program anugerah yang dihasilkan dengan kerjasama kedua-dua negara itu dapat mengeratkan hubungan antara kerajaan dan industri terbabit.

Beliau yakin, langkah yang diambil kerajaan Malaysia untuk membangunkan industri itu akan mencapai matlamat.

Menurutnya, industri IT dan telekomunikasi bukan sahaja mampu menghasilkan pendapatan yang tinggi kepada negara malah mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Tahun lalu, katanya, industri itu menghasilkan pendapatan sebanyak A\$1.6 bilion iaitu peningkatan 61 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Industri ini juga mewujudkan 15,000 peluang pekerjaan iaitu peningkatan 11.5 peratus berbanding tahun sebelumnya," katanya.

Dalam majlis yang sama, Dr Mahathir yang juga penaung program itu turut melancarkan logo APMITTA dan laman webnya. Alamat laman web ialah www.mdc.com.my/apmiita.

Majlis penganugerahan APMITTA yang pertama dijadualkan berlangsung Oktober depan.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

(END)